

09/09/1998

Wanita Umno tegas sokong Dr Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Pergerakan Wanita Umno sekali lagi menyatakan sokongan mereka kepada kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad berhubung isu pelucutan jawatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pihaknya bersama pemimpin lain juga akan menjalankan penerangan di peringkat bawah bagi menjelaskan kedudukan sebenar.

Menurutnya, mesyuarat khas pergerakan itu hari ini bertujuan menyatakan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Perdana Menteri.

"Kita mengutamakan kepentingan dan perpaduan parti yang menentukan kestabilan negara dan sokongan kami tidak berbelah bahagi," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat khas itu.

Dr Siti Zaharah berkata, walaupun bukan semua Exco pergerakan itu sudah mendapat penjelasan namun Wanita Umno akur dan yakin dengan keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri dan Majlis Tertinggi Umno.

Menurutnya, pihaknya yakin Perdana Menteri mempunyai alasan dan maklumat yang kukuh untuk mengambil keputusan itu.

"Dalam mesyuarat Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini bukan Presiden saja yang memberi penjelasan tetapi Anwar juga diberi peluang memberi penjelasan beliau. Ini tidak pernah berlaku sebelum ini," katanya.

Bagaimanapun katanya, Wanita Umno tidak menolak kepada proses undang-undang di negara ini.

Sebenarnya, apa yang berlaku sekarang menggambarkan proses atau prosedur kepada setiap pemimpin kerajaan atau Umno tidak kira apa peringkatnya yang sedang menghadapi masalah.

"Itu adalah prosedur yang perlu dipatuhi oleh semua pemimpin tanpa terkecuali sesiapa juga. Proses itulah yang berlaku sekarang," katanya.

Mengenai Ketua Pergerakan Pemuda Umno yang diminta meletakkan jawatan, Dr Siti Zaharah tidak mahu memberi sebarang komen.

"Biarlah Pemuda menyelesaikan masalah mereka sendiri," katanya.

(END)